

Konvensyen MyProspect tumpu Revolusi Industri 4.0

MUHAMMAD FAIZ SULONG @ RAZAK

Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM) telah menganjurkan Malaysian Professional Prospect Convention (MyProspect) buat kali keempat yang memberi tumpuan khusus kepada perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0.

Uniknya, program konvensyen MyProspect 4.0 kali ini berjalan secara serentak di tiga buah lokasi berbeza iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan.

Pengarah program, Atiqah Syazwani Ahad berkata, objektif utama penganjuran program berkenaan bagi melahirkan graduan holistik berciri keusahawanan dan seimbang, mengasah dan memaksimumkan kecemerlangan bakat.

Katanya, program yang disertai 138 pelajar matrikulasi dan asasi ini juga bertujuan untuk melahirkan graduan yang mempunyai Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) berkualiti seperti dinyatakan dalam Lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 oleh Kementerian Pendidikan.



Sesi fotografi bersama semua peserta.

Disertai 138 peserta di tiga lokasi seluruh Malaysia

"Antara fokus utama program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai perkembangan dan keperluan Revolusi Industri 4.0 yang kini hangat diperkatakan pada zaman ini.

"Hal ini sangat penting kerana hampir 95 peratus daripada peserta program ini tidak pernah didedahkan berkenaan Revolusi Industri 4.0. Melalui program ini juga, para peserta diberi pendedahan kepada kerjaya yang sesuai dan perlu dikuasai oleh Generasi Z," katanya.

Program berkenaan telah dirasmikan oleh Pengarah Pembangunan Belia YDKMM, Ahmad Umair Zulkefli.

Program ini turut mendapat kerjasama daripada Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia, Neo Synergy Training Centre dan Re-awakening Human Potential.

Antara speaker yang terlibat



Sebahagian peserta yang teruja melawat booth yang disediakan.

dalam konvensyen berkenaan adalah Pengarah Teknikal Produksi Les'Copaque, Syed Nurfaiz Khalil Syed Ibrahim; Pemilik Ayyash Business, Siti Aisyah Shahid; Pengarah Urusan Olloum LLB (Hons) University of Buckingham, Sumayyah Nasaruddin dan Presiden Persatuan Usahawan Muda Muslim Malaysia, Fakhruallah Mawardi.

Turut terlibat, fasilitator-fasilitator yang juga mahasiswa dan mahasiswi dari IPTA dan IPTS seluruh Malaysia seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL)

dan lain-lain lagi.

Sementara itu, seorang peserta yang juga pemegang Dekan Asasi UPM 17/18, Amzar Khalili Khalid berkata, program berkenaan telah banyak membuka matanya melihat keperluan dan kepentingan Industri 4.0.

"Malah, konvensyen ini juga telah berjaya membuka mata saya untuk melihat bahawa Industri 4.0 bukan sebagai ancaman malah, menampakkkan kepada peluang yang boleh saya dan kawan-kawan yang lain rebut dan kuasai.

"Saya yakin untuk menjadi lebih baik dan memberi prestasi tinggi selepas hadir ke program ini," katanya.



Antara peserta yang membentangkan idea pada sesi Pitch Yourself.